

# Misi buru tiket Sukan SEA

**Kuala Lumpur:** Sekiranya jadual latihan ketika menjalani latihan praktikal yang dijadualkan tahun depan berjalan lancar, bekas perenang negara, Chui Lai Kwan memasang impian untuk terus mewakili negara ke Sukan SEA 2013 di Myanmar.

Bagi penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, keputusan mewakili negara ke kejohanan serantau di Asia Tenggara itu juga bergantung kepada prestasi semasa kerana sedar kekangan masa bakal dihadapi ketika menjalani latihan praktikal yang dijangka pada Februari tahun depan.

## **Prestasi semasa**

“Pada Februari nanti, saya bakal menjalani latihan praktikal dan sudah pasti jadual pembelajaran saya juga akan jadi semakin padat. Jadi keputusan mewakili ne-

gara juga bergantung kepada prestasi semasa saya ketika itu,” katanya yang dalam persiapan menghadapi kejohanan Sukan Universiti ASEAN (AUG) di Laos, Disember ini.

## **Raih tiga emas**

Pada kejohanan renang Sukan Institut Sukan Universiti (SUKIPT) yang bermula semalam, Lai Kwan meraih tiga pingat emas apabila mengungguli saingan acara 400 meter rampaian, 800m gaya bebas dan 200m kuak lentang.

Kejohanan terakhir Lai Kwan bersama skuad renang negara adalah di Kejohanan Akuatik Asia Tenggara di Singapura pada Jun lalu tetapi mengambil keputusan untuk tidak mewakili negara selepas berlaku salah faham dengan Persatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM).